

CERMIN MATA UNTUK RAKAN JALANAN

■ **Pelajar bidang optometri bantu golongan gelandangan bermasalah penglihatan secara sukarela**

Hairulazim Mahmud

azim@hmetro.com.my

“Cermin mata adalah satu keperluan yang mahal, tak semua mampu dan boleh beli. Kerana itulah Our Touch (Persatuan Sentuhan Kembara Malaysia) tampil melaksanakan projek ini untuk membantu golongan gelandangan yang ada masalah penglihatan,” kata Nor Diyana Hani Ghani.

Atas kesedaran itu, gadis muda berusia 28 tahun selaku Penyelaras Projek Our Touch bersama beberapa rakan dan pelajar bidang optometri menggerakkan projek kesukarelawan dikenali sebagai Cermin Mata Untuk Rakan Jalanan khusus bagi membantu golongan berkenaan melihat dengan lebih jelas.

Ahmad Afif Syakirin Shaari, 20, Muhammad Adaham Mohd Saad,

20, Fajarul Hani Ahmad Termizi, 30, Muhammad Azam Razuli, 28, Aiman Aizat Azizan, 22, Zuhairi Alias, 21, Nur Hafiza Muhd Khairi, 27, S Sathiya Prakash, 28, dan Vinodhini Naidu Munikrishnayya, 26, adalah anak-anak muda yang menjadi tenaga dan tulang belakang projek berkenaan.

Berbekalkan Ijazah Sarjana Muda Optometri dari Kolej Universiti Teknologi

Antarabangsa Twintech, Nor Diyana dibantu sukarelawan muda terbabit memulakan pemeriksaan secara percuma ke atas gelandangan yang mengalami masalah penglihatan di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman di ibu kota.

Kumpulan sukarelawan yang turut membabitkan pelajar bidang optometri

itu melaksanakan pemeriksaan berkenaan dengan membuka kaunter di kaki lima di lokasi terpilih menggunakan peralatan lengkap yang dibekalkan oleh syarikat penyumbang.

“Kami buka kaunter dan buat pemeriksaan mulai jam 8.30 malam hingga 10.30 malam pada Mei lalu dan berjaya memeriksa 600 orang gelandangan sebelum mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan seterusnya membuat

tejpahan cermin mata mereka.

“Bulan ini, kami buka kaunter pula untuk menyerahkan cermin mata terbabit kepada pemiliknya,”katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, harga pasaran bagi cermin mata terbabit ialah antara RM150

hingga RM700.

Katanya, tanpa sumbangan dana daripada penyumbang sama ada daripada individu dan syarikat yang ada, projek berkenaan tidak akan menjadi kenyataan.

“Terima kasih saya ucapkan kepada penyumbang dan kami masih memerlukan lagi dana kerana projek ini akan dikembangkan,”katanya yang berasal dari Kedah.

Beliau yang kini melanjutkan pengajian optometri peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengakui walaupun mereka melaksanakan kerja amal namun masih terdapat suara-suara yang mempertikaikan tahap profesionalisme ketika menjalankan pemeriksaan.

Katanya, golongan itu mempertikaikan tindakan